



Majlis Sambutan *Eidulfitri* 1431H Meriah

29 September 2010 : Kemeriahan sambutan Eidulfitri masih hangat terasa oleh semua warga universiti yang hadir di majlis sambutan pada tahun ini. Perkarangan Dewan Besar bertukar menjadi syurga makanan apabila sebanyak 23 gerai didirikan bagi menyediakan pelbagai hidangan kepada lebih 5,000 hadirin.

Seperti tahun sebelumnya, beberapa kategori pertandingan gerai diadakan untuk memberi peluang kepada setiap PTJ menunjukkan kreativiti masing-masing. Dapat dilihat dengan jelas setiap PTJ bersungguh-sungguh menghias khemah masing-masing dengan pelbagai peralatan perhiasan dipasang demi memburu tempat pertama.

Kehadiran Canselor UTeM, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob bersama isteri, Toh Puan Dato' Datin Seri Utama Hajah Zurina binti Kassim telah disambut oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM, Datuk Dr. Ir. Mohd Zaidee bin Laidin, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta Pegawai-pegawai Kanan universiti. Tun Canselor kemudiannya diiringi oleh Pegawai-pegawai Kanan untuk melepaskan belon sebagai simbolik kepada perasmian sambutan Eidulfitri tahun ini.

Bagi kategori Gerai Pilihan Ramai, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dinobatkan sebagai juara apabila hidangan sate yang disediakan menjadi tumpuan semua pengunjung hari itu. Manakala bagi kategori Gerai Staf Paling Bekerjasama, Pejabat Bendahari yang mempamerkan semangat berpasukan yang tinggi telah meraih tempat pertama, Pejabat Pendaftar di tempat kedua dan Penerbit di tempat ketiga.

Selesai perasmian, Tun Canselor dibawa melawat ke setiap gerai-gerai PTJ sambil menikmati hidangan yang disediakan. Sikap mesra Tun Canselor beramah mesra dengan para hadirin membuatkan ramai warga UTeM tidak segan silu untuk bersalaman dan bergambar dengan beliau. Petugas-petugas di setiap gerai juga tidak melepaskan peluang bergambar bersama pemimpin yang disanjung itu.

Sementara itu, menu ayam madu dan kentang goreng oleh Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) berjaya memikat hati para juri apabila mengungguli kategori Gerai Makanan/Minuman Paling Sedap. Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) yang menyediakan nasi lemak berlauk berada di tempat kedua dan Pusat Islam dengan menu nasi kerabu di tempat ketiga.

Kategori yang menjadi tumpuan ramai iaitu Gerai Tercantik telah dirangkul oleh Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT), sementara Canselori di tempat kedua manakala Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) meraih tempat ketiga.

LG
173
.M44
.B47
2010
a
Sept



KANDUNGAN

Majlis Sambutan Eidulfitri 1431H Meriah | IDECON 2010 Letakkan UTeM Di Peta Dunia | Naib Canselor Adakan Kunjungan Hormat Ke Kediaman Rasmi Ketua Menteri Melaka | Bengkel Laporan Hala Tuju MTUN | Sesi Taklimat Beri Peluang UTeM Sertai IMDC | UTeM Sertai Program Pertukaran Pelajar Antara Kerajaan Negeri Melaka Dan Kerajaan Jiangsu, China | Warga UTeM Sertai Kempen Derma Darah | UTeM Salur Sumbangan Hari Raya Kepada Staf Dan Anak-Anak Yatim | Menteri Mentor UTeM Hulur Sumbangan Hari Raya | UTeM Anjur Seminar Kesedaran Harta Interlek Peringkat Negeri Melaka | FKEKK Anjur Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga Emas | Sambutan Aidilfitri Staf Canselori UTeM Meriah | Berita Kelahiran | Majlis Berbuka Puasa Bersama Menteri Pengajian Tinggi | Personaliti Pilihan



IDECON 2010

LETAKKAN UTeM DI PETA DUNIA



Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :

Prof. Madya Mohd Rahimi Bin Yusoff

PENOLONG KETUA EDITOR :

Faradila Binti Md. Yusof

WARTAWAN :

Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :

Aziza Binti Md Buang
Suria Binti Abdul Rahman

JURUFOTO :

Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :

Bob Faizeli Bin Mohamed Din
Al Rohaiya Binti Adanan
Rabea'tul Adawiyah Binti Zakariah

URUS SETIA :

Azlinah Binti Ajis
Nor'Emylia Binti Mohamed

Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM ?
Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

No. Perolehan MICR 38312	No. Panggilan 173 M44 B47
Tarikh 16 DEC 2010	

Hak Cipta Terpelihara
Pejabat Perancangan Dan Komunikasi Korporat, Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya
76100 Durian Tunggal, Melaka
Tel : +606 331 6248 / 6249
Faks : +606 331 6247



20 -21 September 2010: Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM), Malaysia Design Council (MDC), Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), Tourism Malaysia, Kerajaan Negeri Melaka dan Kementerian Pengajian Tinggi telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Rekabentuk dan Kejuruteraan Berselari (International Conference on Design and Concurrent Engineering) atau ringkasnya 'iDECON 2010'.

Dengan tema Cabaran Industri Pembuatan Ke arah Kelestarian Global (Manufacturing Challenges towards Global Sustainability), Persidangan ini telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam. Dalam ucapannya, beliau melahirkan kesudian dan kesungguhan Kerajaan Negeri Melaka untuk bekerjasama dalam pengkomersilan projek-projek penyelidikan UTeM.

Turut hadir pada majlis perasmian iDECON 2010 ialah Pengerusi Jawatankuasa Negeri, Sains dan Teknologi, Sumber Manusia dan Pendidikan, Datuk Yaakub bin Md Amin, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee bin Laidin serta Pegawai-pegawai Kanan universiti.

Penyertaan yang diterima pada persidangan kali ini tidak kurang hebatnya. Selain penyertaan IPTA/IPTS dalam negara, iDECON 2010 menerima penyertaan institusi pengajian tinggi dari Belanda, Belgium, Portugal, Australia serta United Kingdom. Tidak ketinggalan menyertai iDECON 2010 ialah beberapa institusi dari benua Asia iaitu Singapura dan Korea Selatan.

FKP selaku penganjur telah menerima dan menerbitkan sebanyak 106 kertas kerja di dalam buku prosiding iDECON 2010. Turut diadakan pembentangan kertas kerja utama (keynotes) pada dua hari persidangan tersebut dengan menampilkan tokoh-tokoh berkaliber dalam pelbagai bidang berkaitan kejuruteraan pembuatan. Pembentang tersebut ialah Prof. Dr. Shankar Kalyanasundram dari Australian National University (ANU), Prof. Dr. Teruaki Ito dari University of Tokushima, Jepun dan En. Aiyor Syahril bin Kamarudin dari Petronas yang memiliki kepakaran dalam bidang masing-masing.

Antara topik-topik yang disentuh iDECON 2010 berlangsung ialah Pengurusan Rekabentuk, Rekabentuk Ergonomik, Teknik Analisis Dalam Rekabentuk, Pemilihan Bahan Dalam Rekabentuk, CAD, CAM, Kejuruteraan Berselari, Rekabentuk Sistem Kawalan, Rekabentuk Hijau, Rekabentuk Sistem Mekatronik dan Kecerdasan Buatan.

Penganjuran iDECON 2010 bertujuan menyediakan satu platform untuk menyebarkan maklumat teknologi, pencapaian dan penemuan saintifik terkini dalam bidang kejuruteraan pembuatan khususnya dalam penyelidikan berkaitan rekabentuk pembuatan dan kejuruteraan berselari. Seminar ini juga berfungsi sebagai pembuka ruang interaksi antara golongan profesional industri dan penyelidik serta menjadi pemangkin kepada penjana ilmu dan teknologi ke peringkat yang lebih tinggi. Semoga penganjuran seminar bertaraf antarabangsa seperti ini akan terus mengharumkan nama UTeM di pentas antarabangsa.





3 September 2010: Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan dengan diiringi oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi telah mengadakan kunjungan hormat ke Kediaman Rasmi Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali bin Rustam bagi memaklumkan perkembangan dan pencapaian semasa universiti ini.

Pada sesi tersebut, Naib Canselor membincangkan perkembangan terkini UTeM yang semakin mendapat perhatian pelajar-pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian di negeri ini. Di samping itu, perkara berkaitan projek-projek penyelidikan turut dibincangkan bersama. Turut hadir pada sesi perbincangan tersebut ialah Timbalan Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Profesor Madya Dr. Ir Abdul Talib bin Din.

Naib Canselor Adakan Kunjungan Hormat Ke Kediaman Rasmi Ketua Menteri Melaka

BENKEL LAPORAN HALA TUJU MTUN

2 September 2010 : Satu bengkel yang menghimpunkan barisan pengurusan tertinggi universiti-universiti yang bernaung di bawah Malaysian Technical University Network (MTUN) berlangsung di Bangunan Canselori. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh Naib-naib Canselor, Timbalan Naib Canselor serta pegawai-pegawai kanan dari semua universiti yang menganggotai MTUN iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan UTeM selaku tuan rumah.

Bengkel yang diadakan merupakan lanjutan daripada mesyuarat yang diadakan pada bulan Julai lalu di antara pengurusan tertinggi MTUN yang bergabung idea untuk menyelaras hala tuju universiti-universiti teknikal ke arah melahirkan graduan yang berkaliber serta berkemahiran tinggi.



1 September 2010: Satu sesi taklimat mengenai Innovate Malaysia Design Competition (IMDC) telah diadakan di Auditorium Bangunan Canselori dengan dihadiri pelajar-pelajar UTeM daripada beberapa fakulti. IMDC merupakan sebuah pertandingan anjuran syarikat Dream Catcher Consulting Sdn. Bhd. dengan kerjasama Agilent Technologies, Altera dan Intel yang bertujuan menggalakkan budaya inovasi di kalangan pelajar IPTA/IPTS.

Pertandingan ini menumpukan rekaan inovasi pelajar-pelajar tahun akhir IPTA/IPTS dalam bidang elektronik, elektrik, kejuruteraan dan sains komputer. Hadir sama pada sesi taklimat tersebut Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Prof. Dr. Shahrin bin Sahib@Sahibuddin. Pada sesi taklimat tersebut, pelajar-pelajar yang hadir didedahkan mengenai format pertandingan, kriteria yang perlu dipatuhi serta hadiah-hadiah yang ditawarkan.



SESI TAKLIMAT BERI PELUANG UTeM SERTA IMDC

Majlis Sambutan

Eidulfitri 1431H Meriah



MAT DATANG
KE
PERPUSTAKAAN



UTeM Sertai Program Pertukaran Pelajar Antara Kerajaan Negeri Melaka Dan Kerajaan Jiangsu, China

19 – 26 September 2010: Seramai lapan orang pelajar UTeM yang merupakan antara 25 pelajar dari negeri ini terlibat dalam Program Pertukaran Pelajar ke negara China. Program ini merupakan hasil persetujuan Kerajaan Negeri Melaka dengan Kerajaan Jiangsu, China dalam usaha merapatkan hubungan antara kedua-dua negeri.

Program yang berlangsung selama seminggu itu telah memberikan pengalaman berharga kepada semua peserta untuk mengenali dengan lebih dekat sistem pendidikan yang diamalkan di negara tersebut.

Melalui program lawatan yang dijalankan ke beberapa buah universiti, kesemua peserta berpeluang untuk melihat sendiri kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan di institusi-institusi terbabit. Antara universiti yang dilawati semasa program itu berlangsung adalah seperti Nanjing University of Chinese Medicine, Nanjing Audit University dan Yangzhou University.



MENTERI MENTOR UTeM HULUR SUMBANGAN HARI RAYA

2 September 2010 - Ketika bulan Ramadhan semakin menghampiri penghujungnya, seramai 30 pelajar UTeM yang kurang berkemampuan telah menerima sumbangan daripada Menteri Kerja Raya, Dato' Shaziman bin Abu Mansor yang juga merupakan Menteri Mentor universiti ini pada Majlis Berbuka Puasa bersama pelajar di Masjid UTeM.

Majlis penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh Setiausaha Politik, Datuk Hj. Ashari Ibrahim yang mewakili Dato' Shaziman. Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Eng. Dr. Marizan Sulaiman dalam ucapannya berkata, hubungan baik antara universiti dan pejabat Menteri Mentor akan sentiasa dikekalkan agar segala kegiatan yang dirancang akan mendatangkan kebaikan dan manfaat bersama. Beberapa program bersama pejabat Menteri Kerja Raya telah dirancang untuk pelajar UTeM bagi mereka menimba pengalaman dan pengetahuan bersama kementerian tersebut.

Prof. Dr. Marizan juga berharap agar bantuan yang diterima dapat digunakan sebaik mungkin dalam meringankan beban menghadapi hari lebaran yang bakal menjelang.



UTeM SALUR SUMBANGAN HARI RAYA KEPADA STAF DAN ANAK-ANAK YATIM

6 September 2010: Satu Majlis Penyampaian Sumbangan Sempena Aidilfitri anjuran bersama Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUTeM) dan Pusat Islam telah diadakan bertempat di Auditorium Bangunan Canselor. Pemberian sumbangan telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan.

Pada majlis tersebut, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff telah menyampaikan sumbangan berupa hamper kepada kakitangan keselamatan UTeM yang bertugas pada 1 dan 2 Syawal. Turut menerima sumbangan ialah anak-anak yatim di kalangan warga kerja universiti ini yang menerima duit raya sebagai persiapan menjelang Syawal.

Berucap pada majlis tersebut, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff melahirkan penghargaan kepada petugas keselamatan UTeM yang telah berusaha dengan gigih memastikan keharmonian premis-premis universiti ini tanpa mengira waktu. Untuk anak-anak yatim yang ibubapa mereka adalah staf UTeM yang telah meninggal dunia, beliau berharap mereka dapat bersabar dan berdoa agar ibubapa mereka di tempatkan di kalangan mereka yang beriman dan berharap sumbangan UTeM dapat membantu persiapan raya.

WARGA UTeM SERTAI KEMPEN DERMA DARAH

27 - 28 Sept 2010: Unit Kaunseling Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dengan kerjasama Unit Tabung Darah, Jabatan Patologi, Hospital Melaka telah menganjurkan Kempen Derma Darah bertempat di Pusat Persatuan Pelajar, Kampus Induk. Program ini diadakan bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Menurut Dekan HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, kempen tersebut diadakan bertepatan dengan seruan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk membantu menampung masalah kekurangan bekalan darah di hospital-hospital seluruh negara.

Program ini juga adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada semua warga UTeM tentang kepentingan menyelamatkan nyawa pesakit dan membantu golongan yang memerlukannya. Sambutan yang diterima amat menggalakkan malah kakitangan Unit Tabung Darah juga turut memberi pendedahan dan penerangan tentang kelebihan dan kebaikan menderma darah.





UTeM ANJUR SEMINAR KESEDARAN HARTA INTELEK PERINGKAT NEGERI MELAKA

27 September 2010: Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) telah menganjurkan Seminar Kesedaran Harta Intelek Peringkat Negeri Melaka di Auditorium Bangunan Canselori, Kampus Induk. Seminar sehari tersebut merupakan anjuran bersama UTeM, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Melaka (PPDNKK).

Seminar ini menampilkan pakar-pakar dalam bidang berkaitan yang diundang khas dari MyIPO dan KPDNKK. Antara topik yang akan dibentangkan adalah seperti peranan MyIPO, sistem pendaftaran paten di Malaysia, sistem hak cipta di Malaysia dan isu-isu sensasi berkaitan cetak rompak. Seramai kira-kira 200 peserta sekitar negeri Melaka telah menghadiri seminar tersebut.

Seminar Kesedaran Harta Intelek Peringkat Negeri Melaka telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Negeri, Perindustrian, Perdagangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Melaka, Datuk Hj. Md. Yunus bin Husin.

24 September 2010: Majlis sambutan Aidilfitri Pejabat Canselori telah diadakan dalam suasana yang cukup meriah. Berpakaian hari raya dan berwarna-warni, sambutan yang dianjurkan oleh Kelab Staf Canselori (K-SCAN) berjaya menghimpunkan kira-kira 100 orang staf yang bernaung di bawah Pejabat Canselori.

Terdapat pelbagai jenis hidangan telah disediakan pada majlis itu antaranya sate, roti jala, mee rebus, nasi himpit, sambal jawa, rendang serta pelbagai jenis kuih-muih Melayu tradisional. Kehadiran Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM bersama-sama Pegawai-pegawai Kanan Canselori turut memeriahkan suasana sambutan. Turut hadir pada sambutan Aidilfitri ini ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi serta Pengarah-pengarah di Pejabat Canselori.

Pada majlis yang sama, Ahmad Yusoff telah menyampaikan sumbangan K-SCAN kepada ahli-ahli yang telah menerima cahaya mata dan melangsungkan perkahwinan baru-baru ini. Beliau juga turut meluangkan masa beramah mesra dengan warga Canselori daripada pelbagai bahagian.

SAMBUTAN Aidilfitri STAF CANSELORI UTeM MERIAH



FKEKK ANJUR MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA WARGA EMAS

3 September 2010 - Kelab Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer telah berjaya menganjurkan Majlis Berbuka Puasa FKEKK Bersama Warga Emas Rumah Seri Kenangan, Cheng, Melaka. Majlis ini merupakan majlis tahunan yang dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) pada setiap bulan Ramadhan.

Majlis tersebut bermula jam 6.30 petang dengan kehadiran semua staf FKEKK diikuti dengan majlis berbuka puasa serta Solat Maghrib berjemaah. Ini diikuti dengan majlis makan malam dan sesi penyampaian sumbangan kepada warga emas yang menetap di situ. Semua staf FKEKK seterusnya menunaikan solat Isyak dan Terawih bersama warga rumah tersebut sebelum majlis ringkas tersebut bersurai.

Nama Staf : Zulkiflee Bin Muslim & Haniza Binti Nahar
 PTJ : FTMK
 Nama Anak : Wafi Bin Zulkiflee
 Tarikh Lahir : 1 September 2010

Nama Staf : Rohaili Bin Hj. Ramli (Pusat Komputer) & Nurzafiqah Binti Mohd Zin (ICNet)
 Nama Anak : Izzyan Nur Zafreyna Binti Rohaili
 Tarikh Lahir : 17 September 2010



berita kelahiran

Berita@UTeM mengucapkan selamat pengantin baru kepada pasangan berikut yang telah melangsungkan perkahwinan pada bulan September 2010.

Nurhana binti Alias dari Pejabat Hal Ehwal Perundangan bersama pasangannya Mohd Hapizan bin Ab. Hamid yang melangsungkan perkahwinan pada 18 September 2010.

Mustafa bin Ibrahim dari Pejabat Pendaftar (BPSM) bersama pasangannya Kalsum binti Md Yusuf yang melangsungkan perkahwinan pada 18 September 2010





Personaliti Pilihan



PROF. MADYA SHAHDAN BIN MD LANI
PENGARAH,
PUSAT JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI

Prof. Madya Shahdan bin Md Lani dilahirkan pada 20 Julai 1959 di Parit Jawa, Muar Johor. Beliau memulakan perkhidmatan di UTeM pada tahun 2003 sebagai pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) sebelum dipinjamkan untuk mengetuai Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA).

Di sebalik jadual kerja yang padat, Prof. Madya Shahdan meminati sukan bola sepak Liga Perdana Inggeris. Beliau yang menggemari corak permainan pasukan Liverpool, sering meluangkan masa menonton perlawanan pasukan tersebut pada masa terluang. Selain saluran sukan, Prof. Madya Shahdan gemar menonton saluran Travel & Living untuk menghayati kepelbagaian budaya yang terdapat di seluruh dunia. Kata beliau, saluran tersebut memberi banyak pengetahuan kepadanya terutama sekali mengenai keunikan makanan serta tempat-tempat yang menarik di luar negara.

Menceritakan pengalaman manis ketika berkhidmat di UTeM, Prof. Madya Shadan melahirkan perasaan bangga apabila universiti ini mula dijadikan tempat rujukan oleh beberapa institusi pengajian tinggi lain dalam bidang berkaitan pengurusan kualiti (ISO) dan akreditasi. Perkembangan tersebut membuktikan usaha gigih beliau dan warga kerja PJKA serta sokongan padu pengurusan universiti telah membuahkan hasil.



SUHAILI BINTI SALLEHUDDIN
KETUA PENOLONG PENDAFTAR

Memegang jawatan sebagai Ketua Penolong Pendaftar di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Suhaili binti Sallehuddin sememangnya antara staf UTeM yang kaya dengan pengalaman pahit dan manis. Masakan tidak, wanita kelahiran Kemaman, Terengganu ini merupakan antara staf terawal yang bertugas ketika UTeM ditubuhkan hampir sedekad lalu.

Memulakan karier sebagai Penolong Pendaftar, Suhaili pernah berkhidmat di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Pejabat Pembangunan. Masih segar dalam ingatan beliau sewaktu menguruskan kemasukan kumpulan pertama pelajar UTeM pada tahun 2001. Menganang kembali detik tersebut, Suhaili berbangga kerana mampu mengharungi pelbagai situasi meskipun dengan bilangan staf yang terhad.

Dengan tutur kata yang lemah lembut, tiada siapa menyangka bahawa Suhaili merupakan seorang penyelam skuba yang bertauliah. Kata beliau, pentaulliah tersebut diperoleh sewaktu menuntut dalam pengajian Sains Marin, Universiti Putra Malaysia Kampus Terengganu. Minat beliau kepada keindahan marin masih ada, namun begitu pada ketika ini Suhaili lebih gemar meluangkan masa mempelajari teknik-teknik membuat kek dan pastri. Bagi Suhaili hobi ini memberikan kepuasan kepada beliau apabila berjaya menghasilkan pelbagai jenis kek dan pastri yang lazat dan berwarna-warni.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1 September 2010 : Lebih 1,000 orang pelajar telah memeriahkan Majlis Berbuka Puasa bersama Menteri Pengajian Tinggi di Masjid UTeM baru-baru ini. Kehadiran Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah disambut meriah oleh seluruh warga UTeM.

Majlis Berbuka Puasa bersama Menteri Pengajian Tinggi ini merupakan satu majlis yang bertujuan merapatkan lagi hubungan antara pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pelajar serta warga kerja UTeM. Rata-rata yang ditemui melahirkan rasa bangga dan bertuah di atas kesudian Dato' Seri Mohamed Khaled meluangkan masa berbuka puasa di kampus ini.

Sempena majlis Berbuka Puasa ini, Dato' Seri Mohamed Khaled turut mengambil peluang meluangkan masa beramah mesra bersama sebahagian pelajar antarabangsa UTeM. Wajah-wajah keriang terpancar di kalangan para pelajar antarabangsa ini yang jarang-jarang dapat bersua muka dengan Menteri KPT.

Di dalam ucapannya, Dato' Seri Mohamed Khaled menyatakan yang UTeM telah mula menjadi pilihan pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian di negara ini. Perkembangan ini menepati hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan antarabangsa dan selaras dengan hasrat kerajaan negeri Melaka untuk menjadikan negeri Melaka sebagai hub utama pendidikan pelajar antarabangsa di dalam negara.

Semasa majlis itu juga, Dato' Seri Mohamed Khaled telah sudi untuk menyampaikan wang kutipan zakat kepada para pelajar UTeM yang kurang berkemampuan sebagai persediaan menyambut Aidilfitri. Beliau juga telah sama-sama Solat Maghrib berjemaah dengan semua warga universiti seurus selepas berbuka puasa sebelum beredar meninggalkan majlis.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Majlis Berbuka Puasa
bersama

MENTERI PENGAJIAN TINGGI